

TARIKH	30 / 6 / 2015	SEKSYEN	Pendidikan
MUKA SURAT	15	RUANGAN	



Mohd Hanifah (depan tengah) bergambar bersama-sama calon UPSR di SMK Tuanku Lailatul Shahreen, Behor Pulau. (FOTO HAFIZUDIN MOHD SAFAR/ BH)

Oleh Hafizudin Mohd Safar
upen@bh.com.my

» Mangan

Pengisian bermakna

» Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR anjuran TH guna pendekatan interaktif

Seramai 255 calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), menjadi kumpulan pertama mengikuti Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR anjuran Tabung Haji (TH) dengan kerjasama BH.

Semua peserta yang juga ahli Kelab TaHa Perlis mengikuti seminar itu yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tuanku Lailatul Shahreen di Behor Pulau, dekat sini, dengan memberi penumpuan kepada teknik menjawab soalan UPSR.

Timbalan Pengarah TH Perlis, Mohd Hanifah Kamarudin berkata, peserta begitu teruja dengan kaedah penyampaian disampaikan penceramah yang juga guru pakar dipilih khusus oleh BH.

Katanya sepanjang seminar berlangsung peserta tidak mudah bosan kerana disajikan pendekatan interaktif apabila masing-masing turut mengambil bahagian dalam sesi soal jawab.

"Saya cukup teruja melihat perjalanan seminar yang dirangka khusus dan bersifat santai. Masa seminar lebih dua jam berlalu begitu pantas kerana diselangi aktiviti interaktif, namun pengisiannya cukup bermakna.

"Ini adalah permulaan dan TH melalui Kelab TaHa akan mengadakan seminar bimbingan untuk calon Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) pula di lokasi yang sama, membabitkan ahli Kelab TaHa di negeri ini," katanya di sini, baru-baru ini.

Dilberi peluang menjawab Sementara itu, murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) Utan Aji, Muhammad Ikram Hilmi Mohamad Zahri,

berkata kaedah penyampaian membuatnya teruja untuk cuba menjawab soalan setiap kali diajarkan penceramah sepanjang seminar itu. Beliau yang pernah mengikuti beberapa siri seminar dianjurkan pihak lain sebelum



"Saya cukup teruja melihat perjalanan seminar yang dirangka khusus dengan bersifat santai. Masa seminar lebih dua jam berlalu begitu pantas kerana diselangi aktiviti interaktif, namun pengisiannya cukup bermakna"**"**

Mohd Hanifah Kamarudin, Timbalan Pengarah TH Perlis

ini, menyifatkan seminar anjuran TH dengan kerjasama BH sebagai terbaik kerana hampir semua peserta diberi peluang untuk mencuba menjawab soalan.

"Selalunya seminar menjawab peperiksaan dianggap bosan kerana sering diulangi perkara yang sama. Namun, sangkaan saya kali ini salah kerana saya sentiasa bertenaga untuk mendengar perkongsian diberikan penceramah sepanjang seminar berlangsung.

"Penyertaan dalam seminar sebegini banyak membantu kerana peserta diberi peluang untuk berinteraktif dengan

penceramah," katanya yang turut menggunakan sisi-papan Didik BH sebagai bahan mengulang kaji.

Pelajar Tahun Enam SK Paya, Iffah Nabillah Ibrahim, berkata banyak teknik baharu yang dipelajari peserta sepanjang mengikuti seminar itu.

"Seminar sebegini semanginya bermanfaat kepada kami yang bakal menduduki UPSR. Penyampaian diberikan penceramah amat jelas dan membuatkan saya dan rakan-rakan lebih berkeyakinan untuk menjawab soalan peperiksaan," katanya.

Calon UPSR ceria dan bersaing untuk menjawab soalan yang diberikan penceramah.

